



PERATURAN PERMAINAN SUKAN MASUM

SILAT



PERATURAN PERMAINAN SUKAN MASUM

Bersatu Ke Arah Kegemilangan Sukan Universiti



1. UNDANG-UNDANG TEKNIKAL

1.1. Pertandingan ini dijalankan mengikut peraturan dan undang-undang:

- 1.1.1. Peraturan Am MASUM.
- 1.1.2. PERSILAT (Persekutuan Pencak Silat Antarabangsa).
- 1.1.3. PESAKA (Persekutuan Silat Kebangsaan) Malaysia.

1.2. Pendaftaran

- 1.2.1. Setiap pesilat hanya dibenarkan mendaftar 1 (satu) kategori dalam 1 (satu) acara sahaja.
- 1.2.2. Borang Jaminan Diri dan Borang Pemeriksaan Kesihatan hendaklah diserahkan kepada penyelaras permainan selewat-lewatnya sebelum undian bermula.

1.3. Acara Yang Dipertandingkan

Acara	Bil.	Putra	Bil.	Putri
Seni	1	Tunggal	1	Tunggal
	2	Ganda	2	Ganda
	3	Regu	3	Regu
Olahraga	4	Kelas A (45kg – 50kg)	4	Kelas A (45kg – 50kg)
	5	Kelas B (50kg – 55kg)	5	Kelas B (50kg – 55kg)
	6	Kelas C (55kg – 60kg)	6	Kelas C (55kg – 60kg)
	7	Kelas D (60kg – 65kg)	7	Kelas D (60kg – 65kg)
	8	Kelas E (65kg – 70kg)	8	Kelas E (65kg – 70kg)
	9	Kelas F (70kg – 75kg)	9	Kelas F (70kg – 75kg)
	10	Kelas G (75kg – 80kg)		
	11	Kelas H (80kg – 85kg)		
	12	Kelas I (85kg – 90kg)		
	13	Kelas J (90kg – 95kg)		

PERATURAN PERMAINAN SUKAN MASUM

Bersatu Ke Arah Kegemilangan Sukan Universiti



1.4. Bilangan Atlet/Pegawai

Acara		Atlet Putra	Atlet Putri	Pegawai	Jumlah Keseluruhan
Seni	Tunggal	1	1	1	31
	Ganda	2	2		
	Regu	3	3		
Olahraga	Kelas A (45kg – 50kg)	1	1	2	
	Kelas B (50kg – 55kg)	1	1		
	Kelas C (55kg – 60kg)	1	1		
	Kelas D (60kg – 65kg)	1	1		
	Kelas E (65kg – 70kg)	1	1		
	Kelas F (70kg – 75kg)	1	1		
	Kelas G (75kg – 80kg)	1			
	Kelas H (80kg – 85kg)	1			
	Kelas I (85kg – 90kg)	1			
	Kelas J (90kg – 95kg)	1			
Jumlah		16	12	3	

1.5. Sistem Pertandingan

1.5.1. Sistem pool 1 pusingan digunakan untuk acara silat seni.

1.5.2. Sistem kalah singkir digunakan untuk acara silat olahraga.

1.6. Keputusan Perlawanan

1.6.1. Pesilat yang memperoleh mata tertinggi adalah dianggap sebagai pemenang.

2. UNDANG-UNDANG PERTANDINGAN

2.1. Acara Silat Olahraga

2.1.1. Mengikut peraturan terkini yang ditetapkan oleh PERSILAT.

2.1.2. Acara putra dan putri.

2.2. Acara Silat Seni

2.2.1. Kategori Jurus Tunggal

2.2.1.1 Persembahan solo oleh pesilat.

2.2.1.2 Acara putra dan putri.

2.2.1.3 Pesilat menggayakan jurus yang diperkenalkan oleh PERSILAT

2.2.1.4 Jumlah masa adalah 3 minit.

2.2.1.5 Ukuran senjata yang dibenarkan bagi parang, mata parang adalah 30 hingga 40 cm dan bagi tongkat ialah 150 cm hingga 180 cm serta diameter 2.5 cm hingga 3.5 cm.

2.2.1.6 Sebarang senjata yang ingin digunakan mesti ditunjukkan dan diluluskan oleh wasit juri terlebih dahulu.

2.2.2 Kategori Tempur (Ganda)

2.2.2.1 Seni tempur kategori putra dan putri.

2.2.2.2 Merangkumi dua (2) peserta untuk setiap kategori putera dan puteri.

2.2.2.3 Masa diperuntukan adalah selama 3 minit.

2.2.2.4 Menggunakan tiga (3) jenis senjata. Senjata wajib adalah parang/golok dan tongkat (ukuran sama seperti senjata jurus tunggal) dan satu senjata nusantara.

2.2.2.5 Sebarang senjata yang ingin digunakan mesti ditunjukkan dan diluluskan oleh wasit juri terlebih dahulu.

2.2.3 Kategori Jurus Wajib (Regu)

2.2.3.1 Diwakili oleh 3 peserta.

2.2.3.2 Acara putra dan putri.

2.2.3.3 Mengikut jurus yang ditetapkan oleh PERSILAT.